

Manifesto Barisan Nasional terbaik, bersesuaian keperluan rakyat
Utusan Online
12 April, 2013

KOTA BHARU 11 April - UMNO Bahagian Kota Bharu menyifatkan manifesto Barisan Nasional (BN) yang dilancarkan Perdana Menteri yang juga Presiden parti, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini merupakan yang terbaik sejak 12 kali pilihan raya umum diadakan.

Ketua UMNO bahagian, Datuk Mohamad Fatmi Che Salleh berkata, manifesto itu bersesuaian dengan keperluan rakyat dan mampu dilaksanakan jika BN diberi mandat besar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

Katanya, aku janji bagi melaksanakan manifesto itu dapat diterima rakyat kerana pimpinan UMNO dan BN tidak melupakan janji yang dibuat.

"Sebagaimana janji menyediakan sejuta rumah mampu milik, pastinya turut dibangunkan di Kota Bharu kerana rakyat di sekitar bandar ini juga amat memerlukannya," katanya ketika ditemui di Bilik Gerakan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Lama, di sini baru-baru ini.

Mohamad Fatmi turut mengadakan lawatan ke rumah-rumah pesakit kronik dan golongan miskin sempena program Cakna Sayang di sekitar Kampung Padang Kelochor di sini.

Beliau yang juga Setiausaha Politik Perdana Menteri memberitahu, kemudahan pinjaman yang diumumkan dalam manifesto itu boleh dimanfaatkan rakyat Kelantan yang rata-ratanya menjadikan perniagaan sebagai pekerjaan mereka.

"Dengan pinjaman yang diberikan, mereka mampu meningkat kreativiti dalam perniagaan dan mengubah taraf hidup keluarga masing-masing," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130412/px_46/Manifesto-Barisan-Nasional-terbaik-bersesuaian-keperluan-rakyat#ixzz2a0IcCqJz